

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RPK 231 - PRINSIP-PRINSIP PERANCANGAN

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: **DUA** soalan dari Bahagian A dan **DUA** dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. Anda adalah seorang jururancang dan pengurus firma perunding perancangan yang ditugaskan untuk mengendalikan satu projek perancangan. Terangkan langkah-langkah dan komponen-komponen perancangan yang anda harus jalankan untuk menjamin kelancaran dan kejayaan projek tersebut.

Sediakan satu set rekabentuk soalan sosio-ekonomi untuk kajian tersebut.

(25 markah)

2. Dalam Sistem Rancangan Pemajuan yang sedang diamalkan di Malaysia, terdapat Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan. Bezakan kedua-dua rancangan tersebut dan jelaskan fungsi-fungsi mereka.

Lakarkan proses penyediaan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.

(25 markah)

3. Huraikan istilah-istilah berikut dan buat lakaran jika perlu untuk menjelaskan jawapan anda:
 - a. Penzonan
 - b. Kepadatan Penduduk dan Unit Kediaman
 - c. Nisbah Plot
 - d. Liputan Tapak
 - e. Medan Letak Kereta

(25 r

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Bincangkan peranan pengawalan dalam proses perancangan dengan memberi huraian berpandukan kepada sistem pelan statutori di Malaysia.

Pada pendapat anda sejauh manakah pengawalan perancangan yang ketat diperlukan ke atas pembangunan tanah di Malaysia berasaskan pandangan alam sekitar.

(25 markah)

5. Bincangkan bagaimana perancangan bandar dapat menyumbang ke arah menggalakkan pembangunan ekonomi tempatan?

Kumpulan manakah dalam masyarakat yang paling beruntung dan yang paling merugikan melalui pembangunan tanah? Jelaskan secara kritis.

(25 markah)

6. Pada pendapat anda apakah tren utama dalam dasar dan amalan perancangan di Malaysia dalam dua dekad yang lalu?

Apakah faktor-faktor yang dianggap paling berpengaruh dalam membawa kepada perubahan-perubahan tersebut?

(25 markah)

7. Jelaskan perkara-perkara di bawah:

- a. Penggunaan analisis kos faedah (*cost benefit analysis*) sebagai satu kaedah dalam pemilihan pelan-pelan alternatif.
- b. Apakah perkara-perkara yang dijadualkan bagi peruntukan dalam penilaian kesan alam sekeliling (*environmental impact assessment*)?
- c. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam penyediaan laporan penilaian perancangan atau laporan cadangan pemajuan?

(25 markah)

ooo00ooo